

Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Sumbangan Pemikirannya

Noraini Junoh^{1,a}, Nurizam Yusof^{2,b}, Mohd Nazri Mat Zin^{3,c}, Nor Asmira Mat Jusoh^{4,d}

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu.

^{2,3,4}Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kelantan.

^ajannahadnin@yahoo.com, ^c nazri743@kelantan.uitm.edu.my,
^d norasmira@kelantan.uitm.edu.my

Kata kunci: Shah Wali Allah al-Dihlawi, Pemikiran, Sumbangan, mujaddid

Abstrak. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan latar belakang tokoh, konsep tajdid, ketokohan Shah Wali Allah sebagai mujaddid dan kerangka pemikiran intelektualnya. Shah Wali Allah al-Dihlawi merupakan seorang sarjana Islam India yang amat berpengaruh dan terulung pada abad ke-18M. Beliau merupakan sarjana Islam yang syumul, pemimpin yang intelektual, Muslim yang beriltizam dan penulis yang prolifik. Memandangkan kepentingan pemikiran intelektual beliau kepada masyarakat awam terutamanya kepada Muslim seluruh dunia termasuk Malaysia, analisis pengaruh Shah Wali Allah dan sumbangannya memberi manfaat yang menyeluruh khususnya dalam bidang keintelektualan Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif secara penyelidikan perpustakaan. Ia menggunakan metode induktif, deduktif, dan komparatif dalam menganalisis data-data yang berkaitan dengan biografi dan sumbangan pemikiran Shah Wali Allah. Hasil kajian ini mendapati bahawa Shah Wali Allah merupakan seorang *mujaddid* yang telah membawa pembaharuan dalam pemikiran umat Islam secara menyeluruh. Beliau juga telah memberi sumbangan besar dalam pelbagai lapangan ilmu melalui usahanya menjelaskan rahsia-rahsia syariat (*asrar al-syari'ah*), menganalisis Sejarah Islam, memurnikan akidah tauhid daripada penyelewengan dan mempertautkan pelbagai aliran dan mazhab. Sumbangan pemikiran beliau dapat dijadikan rujukan kepada umat Islam dalam menghayati kehidupan sebagai umat Islam sebenar khususnya dalam menghadapi dunia globalisasi kini. Namun, penyelidikan yang lebih komprehensif pada masa hadapan perlu dilaksanakan bagi memperkemaskan lagi sumbangan pemikiran Shah Wali Allah dalam bidang keintelektualan Islam.

Pengenalan

Di dalam dunia kontemporari ini diiringi dengan gelombang kebangkitan Islam di seluruh dunia, membaca karya-karya Shah Wali Allah merupakan satu tuntutan intelektual. Kehebatan dan keikhlasan pemikiran beliau dapat ditelusuri dan dirasakan pada setiap penulisannya. Setelah membaca kitab beliau *Hujjah Allah al-Balighah* dalam kedua-dua versi Bahasa Arab dan terjemahannya, ia seumpama melengkapkan bukti dan fakta betapa Shah Wali Allah boleh digelar sebagai '*mujaddid*' ulung zamannya. Menulis mengenai seorang pemikir dan sarjana besar seperti Shah Wali Allah merupakan satu tugas yang berat dan amat mencabar. Di sini, penulis tidak akan cuba untuk mengkaji pemikiran dan sumbangan Shah Wali Allah dari segenap sudut secara terperinci memandangkan betapa besarnya pengaruh pemikiran beliau dalam pelbagai aspek kehidupan kepada masyarakat dan umat.

Setakat ini terdapat pelbagai buku dan makalah yang mengkaji pemikiran Shah Wali Allah. Antara buku yang menyentuh pemikiran Shah Wali Allah ialah *Rijal al-Fikr wa al-Da'wah fi al-Islam* oleh al-Sayyed Abu Hassan 'Ali al-Nadawi (2002), *The Thought of Shah Wali Allah* oleh Muhammad al-Ghazali (2000), *Dimensi Pemikiran Shah Waliallah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia* oleh Abdul Salam Muhammad Syukri e.d (2007) dan lain-lain. Manakala kertas kerja adalah Ulama dan Gerakan Revivalis Islam di India Antara 1700-1850an oleh Azharudin Mohamed Dali (Disember 2002), The Intellectuality of al-Dihlawi: A Review on His Contribution in Science of Prophetic Tradition oleh Mohd Arif Nazri et al. (September 2015), Kesan Ibadah Dalam Membentuk Sikap *Malakiyyah* Dan *Bahimiyyah* Insaniyyah Dari Pandangan Shah Wali Allah Al-Dihlawi Dalam Kitabnya "Hujjah Allah al-Balighah oleh Mohd Nazri Mat Zin et al. (2015), An Early Modern South Asian Thinker on the Rise and Decline of Empires: Shah Wali Allah of Delhi, the Mughals, and the Byzantines oleh Syros, Vasileios (Disember 2015) dan lain-lain.

Pengaruh Shah Wali Allah masih lagi belum meluas kepada umat Islam di Malaysia disebabkan kajian mengenai pemikiran dan sumbangan Shah Wali Allah masih terhad dan tidak menyeluruh. Terdapat beberapa kajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah termasuk kajian individu mengenai Shah Wali Allah yang di antaranya ialah Konsep *al-Birr Wa al-Ithm*: Analisis Terhadap *Mabhath al-Birr Wa al-Ithm* Dalam Kitab *Hujjat Allah al-Balighah* oleh Mohd Nazri Mat Zin (2008), Modality of Knowledge in Shah Wali Allah al-Dihlawi's' Epistemology oleh Asma Muhammad Uthman El-Muhammady (2007) dan Sumbangan Syah Wali Allah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadis dan Pengaruhnya di Kelantan oleh Abdul Hayei

Abdul Sukor (1998). Fakta di atas menunjukkan bahawa hanya terdapat sedikit karya yang mengkaji dan menganalisa pemikiran Shah Wali Allah khususnya di Malaysia.

Berdasarkan fakta di atas, artikel ini akan membicarakan sumbangan Shah Wali Allah dan pemikirannya dengan mengambil kira pendekatan dan kerangka ideanya melalui penelitian terhadap penulisan dan penyelidikannya. Perbincangan ilmiah mengenai pemikiran dan sumbangan Shah Wali Allah sebagai antara ulama paling berpengaruh di India ini perlu diperbanyak dan diperhebatkan. Ini memandangkan betapa signifikan dan pentingnya pemikiran beliau yang amat bersesuaian dengan peredaran zaman dan dalam konteks semasa. Pemikiran beliau ini adalah amat signifikan kerana ia merangkumi pelbagai aspek kehidupan, mengakar di segenap lapisan masyarakat dan merentasi zaman. Justeru, kertas ini memfokuskan perbincangan mengenai pemikiran Shah Wali Allah sebagai *mujaddid* dan sumbangannya secara umum dalam dunia Islam.

Kaedah Kajian

Penulis menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji sumbangan pemikiran Shah Wali Allah. Secara umumnya, sumbangan pemikiran Shah Wali Allah ini dinilai dan dianalisa melalui karya-karya beliau terutamanya kitab Hujjah Allah al-Balighah, al-Insaf fi Bayan Asbab al-Ikhtilaf, ‘Aqidah al-Hasanah, al-Tafhimat al-Ilahiyyah dan lain-lain lagi. Selain itu, penulis juga merujuk penulisan-penulisan lepas yang mengkaji pemikiran, sumbangan, pengaruh dan idea Shah Wali Allah sebagaimana yang terdapat dalam sorotan kajian. Artikel ini secara ringkas menggunakan analisis kandungan dalam menganalisa dan mengkaji sumbangan pemikiran Shah Wali Allah serta menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan dalam menilai pemikiran dan pengaruh serta idea Shah Wali Allah.

Latar Belakang Kehidupan Shah Wali Allah al-Dihlawi

Sebelum menilai dan menganalisa pemikiran dan sumbangan Shah Wali Allah, adalah penting untuk mengetahui dan menelusuri latar belakang kehidupan beliau. Penulis akan membicarakan secara ringkas latar belakang keluarga, kecemerlangan dan bakat, ilmuan hebat dan tokoh mujaddid.

Keluarga dan Keturunan. Shah Wali Allah merupakan seorang pemikir dan sarjana yang mempunyai kehidupan sederhana. Beliau dilahirkan pada waktu subuh hari Rabu 4 Syawal 1114H bersamaan 21 Februari 1703M di Phulat (*Pulth*), sebuah bandar di Muzaffarnagar (Utara India) dan kemudiannya beliau menetap di Delhi, India (al-Dihlawi, 1999; Islahi, 2011). Shah Wali Allah merupakan waris keturunan Qurasy yang mulia. Bapanya merupakan generasi ketiga puluh dua daripada daripada keturunan Sayidina ‘Umar al-Khattab RA di sebelah bapanya. Manakala ibunya berasal daripada Ahl al-Bayt iaitu ahli keluarga Rasulullah SAW melalui Imam Musa al-Kazim RA (m.1294) (Jalbani, 1993; al-Siyalkuti, 1991; Baljon, 1986). Waris keturunan Syāh Walī Allāh iaitu Shaykh Shams al-Din tiba di India pada awal pemerintahan Sultan-sultan Delhi (602-962/1206-1555) dan menetap di Rohtak kira-kira 30 batu atau 40 kilometer dari kota Delhi, India (Abdul Salam, 2007). Shah Wali Allah bukan sahaja lahir daripada keturunan yang baik, malah juga daripada keturunan ulama dan sufi yang zuhud serta banyak berkorban demi menegakkan agama Islam di bumi India. Datuk Shah Wali Allah yang ke-13 iaitu Shams al-Din al-Mufti merupakan seorang sarjana Islam yang sangat gigih dan berwibawa. Manakala datuknya yang kelima Mahmud Ibn Qiwaṃ al-Din berkecenderungan dalam bidang ketenteraan dengan berkhidmat sebagai tentera (al-Turhuti, 1394H). Bapanya al-Syaikh Shah ‘Abd al-Rahim b. al-Syaikh al-Shahid Wajih al-Din pula merupakan seorang ulama Hadis dan ahli sufi yang dihormati dalam kalangan masyarakat (al-Nadawi, 2002; Jalbani, 1993).

Kecemerlangan dan Bakat. Shah Wali Allah mendapat pendidikan awal daripada ayahnya sendiri sejak berumur lima tahun. Sebelum usianya mencapai 10 tahun, beliau berjaya menghafal al-Quran dan telah menguasai bahasa Arab dan Parsi (al-Dihlawi, 1999; Khan, 2010). Beliau kemudian menyambung pengajian di peringkat sekolah tinggi (*Madrasah al-Rahimiyyah*) yang diasaskan oleh bapannya. Sepanjang pengajian, Shah Wali Allah telah mempelajari ‘*ulum naqliyyah*’ dan ‘*aqliyyah*’ seperti Hadis, Tafsir, *Fiqh*, *Usul al-Fiqh*, Theologi, Tasawuf, Sejarah, Logik (Mantik), ‘*Ilm al-Haqa’iq*, Falsafah, Geometri, Perubatan, Matematik dan Aritmetik (al-Dihlawi, 2005; Jalbani, 1993; al-Siyalkuti, 1999; Khan, 2010).

Tahap pendidikan Shah Wala Allah tidak terhenti di *Madrasah al-Rahimiyyah* sahaja. Beliau telah melakukan kembara ilmu ke Hijaz di samping menunaikan ibadat haji di Mekah. Di sini, beliau telah menyambung pelajaran dan mendalami bidang sains Islam khususnya dalam bidang Hadis dan *Fiqh* serta ilmu Tasawuf (Khan, 2010).

Ilmuan Hebat. Shah Wali Allah merupakan ilmuan yang menguasai pelbagai cabang ilmu (al-Siyalkuti, 1991). Terdapat lebih daripada 50 buah buku telah dihasilkan dalam pelbagai bidang seperti akidah, al-Quran dan al-Sunnah, *usul al-fiqh*, tasawuf dan falsafah, politik dan ekonomi. Selepas kembali daripada kembara ilmu di Hijaz beliau telah menumpukan sepenuhnya dalam bidang penulisan dan pengajaran (Jalbani, 1993). Antara karya yang sukar ditandingi adalah kitab *Hujjah*

Allah al-Balighah. Ia merupakan sebuah kitab yang setanding dengan kitab Ihya Ulum al-Din karya Imam al-Ghazali. Di antara kelebihan dan keunikan Shah Wali Allah berbanding ulama yang lain ialah beliau telah mengkombinasikan hujah ‘*aqli* dan *naqli*’ dalam setiap permasalahan yang dibincangkan dalam pelbagai karyanya.

Shah Wali Allah Sebagai Mujaddid. Berdasarkan kepada ciri-ciri, kehidupan, sumbangan dan pemikirannya, Shah Wali Allah merupakan seorang *mujaddid* ulung zamannya. *Tajdid* merupakan satu usaha menghidupkan kembali peninggalan agama yang hilang dan menghidupkan sesuatu yang lenyap daripada ajaran agama. Ia membaiki ciptaan yang merosakkan dalam agama dan keadaan-keadaan buruk serta mengembalikan manusia ke landasan agama yang selamat (al-Aluri, 1979). Manakala *mujaddid* pula adalah seseorang yang berusaha atau berkhidmat terhadap Islam dalam konteks munculnya respons terhadap setiap unsur-unsur jahiliah dalam krisis politik, akidah, ilmu, sosial dan budaya melalui pembaharuan, pembaikan dan perawatan. Ia juga satu keperluan bagi umat Islam untuk memurnikan semula kefahaman dan amalan Islam sebaik sahaja dinodai oleh unsur jahiliah (Mohamad Kamil, 2000).

Pada hakikatnya pemikiran tentang gerakan *tajdid* muncul setelah berlakunya kerosakan dalam amalan dan kefahaman agama. Pemikiran ini dapat difahami daripada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah akan mengutuskan bagi umat ini pada setiap akhir seratus tahun seseorang yang akan memperbaharui agamanya.
(Abi Dawud al-Sajistani, 1999: *Kitab al-Malahim, Bab Ma Yuzkaru fi Qarni al-Mi’ah*, 4291)

Dalam memahami hadis di atas, perkataan (seseorang) merangkumi seorang *mujtahid* atau beberapa orang (al-Manawi, 2003). Bahkan al-Qaradawi (2001) menambah, seseorang di dalam Hadis ini boleh difahami dalam kalangan individu dan ramai seperti kumpulan, madrasah dan juga gerakan pemikiran, pendidikan, jihad dan lain-lain lagi.

Justeru, daripada maksud *tajdid* tersebut Shah Wali Allah dilihat sebagai seorang tokoh *mujaddid* berdasarkan pelbagai usaha yang dilakukannya untuk menegakkan kebenaran dan mengislahkan (memperbaiki) pemikiran ummah melalui beberapa aspek yang sesuai dengan situasi dan keperluan setempat. Shah Wali Allah seorang yang alim dan mempunyai tahap keilmuan yang tinggi. Beliau muncul pada zaman yang penuh dengan kacau-bilau dan umat Islam pada masa itu telah lemah pegangan agamanya. Keadaan ini memaksa Shah Wali Allah untuk melakukan sesuatu bagi mengembalikan umat kepada ajaran Islam yang sebenar (al-Siyalkuti, 1991).

Ramai dalam kalangan ulama Islam yang mengiktiraf Shah Wali Allah sebagai seorang *mujadid* sebagaimana yang dinukilkan oleh Nik Muhammad Salleh (2007), antaranya ‘Ubayd Allah al-Sindhi. Beliau menyatakan bahawa Shah Wali Allah al-Dihlawi adalah *mujaddid* alaf kedua yang sebenar. Sebahagian besar ulama India dan lainnya juga menggelar beliau dengan gelaran *al-Imam*, antaranya anak beliau sendiri Shah ‘Abd al-‘Aziz (w. 1823M) dan sahabatnya Syaikh Muhammad al-‘Ashiq (w. 1173M) serta lain-lain lagi. Dalam kitab *al-Tafhimat al-Ilahiyyah*, al-Dihlawi sendiri mengakui dirinya adalah *mujaddid* alaf kedua hijrah sebagaimana katanya:

Apabila kebijaksanaan yang ada sudah sempurna dalam diriku, Allah menganugerahkan gelaran mujaddid kepadaku. Ini menjadikan aku dapat menilai keseluruhan ilmu berbanding dengan pelbagai perbezaan pendapat (khilaf) yang ada dan aku juga mengetahui berlakunya penyelewengan (tahrif) dalam pandangan fuqaha’ (al-ra’y) dalam ilmu syariat. Walau bagaimanapun, usaha menentukan suatu hukum (qada’) merupakan satu usaha yang mulia
(al-Dihlawi, 1936:40).

Justeru, Shah Wali Allah giat berdakwah kepada masyarakat India dengan menggunakan tiga pendekatan, iaitu mengajar, menulis buku dan menyebarkan dakwah kepada golongan sasaran. Beliau telah mengkritik apa yang menyalahi syariat dan mengajak masyarakat agar dapat memberikan komitmen kepada agama Islam dan konsisten di atas amalan kebaikan. Beliau mengingatkan masyarakat agar berusaha untuk membebaskan daripada penyakit *wahn* (lemah jiwa) dan bala *khadhlan* (Allah SWT lepas daripada pemeliharaanNya) (al-Siyalkuti, 1991). Beliau juga mengecam sikap para ulama yang tidak bersemangat untuk berjihad serta merebaknya gejala taklid buta dalam kalangan mereka. Sikap inilah yang menjadi salah satu punca kepada kelemahan umat Islam kini (Jalbani, 1973).

Perjuangan Shah Wali Allah ini berterusan hingga ke akhir hayatnya. Dengan kematian beliau itu bererti gugurlah seorang ulama yang banyak berjasa kepada agama, bangsa dan negara, namun hasil usaha beliau dalam bidang ilmu tetap menjadi warisan kepada generasi seterusnya. Beliau meninggal dunia pada waktu tengahari Sabtu 29 Muharam 1176H bersamaan 19 Ogos 1762M ketika berumur 62 tahun. Beliau dikebumikan berhampiran pusara bapanya di Munhadian, luar Kota Delhi. Pusaranya sering dikunjungi oleh orang ramai (al-Dihlawī, 1999; al-Siyalkūtī, 1999; Jalbani, 1993).

Dapatan Kajian

Berdasarkan latar belakang Shah Wali Allah, ketokohan beliau sebagai mujaddid telah terserlah dengan kehebatannya sebagai seorang ilmuan, pemikir dan ulama yang ulung pada zamannya.

Pemikiran Shah Wali Allah. Seorang pemikir hebat ialah mereka yang mempunyai ciri-ciri berikut; (i) Menemukan suatu gagasan utama atau prinsip dasar yang utama yang mengandungi segala realiti, lalu ia mentafsirkannya dengan jelas dan menjadikannya sesuatu yang baru dan penting; (ii) Gagasan pokok itu seterusnya mampu merubah perspektif seseorang dalam berinteraksi dengan realiti tersebut; dan (iii) Mampu mengemukakan suatu penyelesaian yang baru dan jitu terhadap segala permasalahan yang setelah lama mengganggu fikiran manusia (Rahman, 1975). Berdasarkan ciri-ciri ini, Shah Wali Allah didapati telah memenuhi setiap kriteria tersebut. Beliau bukan sahaja mengenalpasti prinsip dasar dengan segala realiti bahkan telah mentafsirkan, memperjelaskan dan menerangkannya dalam bentuk yang lebih segar untuk manfaat semua. Gagasan Shah Wali Allah dalam usaha tajdidnya yang berhikmah telah merubah perspektif ramai dan mampu untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat dan umat.

Pemikiran dan kerangka idea Shah Wali Allah telah meresap ke lubuk hati masyarakat secara semulajadi melalui karya dan usaha dakwah yang berterusan. Khazanah ilmu yang dihasilkan melalui penulisan, pengajaran dan sebagainya menjadi rujukan dan panduan masyarakat dan umat.

Sumbangan Pemikiran Shah Wali Allah. Pemikiran Shah Wali Allah mempunyai pengaruh yang sangat signifikan di seluruh dunia. Pemikiran yang dinamik dan bersesuaian dengan keadaan dan suasana semasa menjadikan beliau sering menjadi rujukan dan panduan oleh umat Islam. Di antara sumbangan besar Shah Wali Allah ialah memperbaharui pemikiran umat dengan memperkenalkan pendekatan dinamik untuk memahami *syariah* melalui konsep *asrar al-syariah*. Walaupun konsep *asrar al-syariah* ini bukanlah sesuatu yang baru dan asing dalam Islam, namun Shah Wali Allah telah memberikan nafas baru dan dalam bentuk yang lebih segar untuk sesiapa memahami Islam dengan lebih mendalam dan berkesan. Antara sumbangan pemikiran Shah Wali Allah yang paling utama adalah:

- i.

Menjelaskan Rahsia-rahsia Syariat (*asrar al-syariah*)

Melihatkan kepada pemikiran umat Islam zamannya yang bersikap jumud dan taklid buta, Shah Wali Allah telah mengambil langkah dengan membentangkan rahsia-rahsia yang tersirat di sebalik syariat yang telah diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia. Oleh itu, beliau telah menghasilkan kitab Hujjah Allah al-Balighah yang dimuatkan secara terperinci rahsia-rahsia di sebalik pensyarian yang diwahyukan oleh Allah SWT sama ada yang terdapat dalam al-Quran mahupun Hadis. Kitab ini juga menggambarkan pemikiran Shah Wali Allah secara menyeluruh dan ia diuraikan dengan gaya bahasa yang halus, ringkas dan padat (al-Nadwi, 1992). Hal ini menunjukkan bahawa Shah Wali Allah mempunyai pengamatan yang mendalam dan pemikiran yang tajam serta mempunyai keinginan yang kuat untuk membawa masyarakat ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.
- ii.

Menganalisis Sejarah Islam

Dalam memahami syariat Islam, Shah Wali Allah telah mengkaji dan menganalisis dengan cermat rahsia-rahsia sejarah perkembangan Islam dari semasa ke semasa bermula pada zaman sahabat dan tabiin hinggalah ke zamannya. Dalam hal ini, beliau telah menyimpulkan bahawa sebab-sebab kemunduran dan kehancuran dunia Islam serta hilangnya pengaruh dawlah Islamiyyah adalah terlalu menumpukan kepada masalah-masalah khilafiyyah dalam sesuatu mazhab. Selain itu, umat Islam juga telah mencampur aduk antara ajaran Islam dengan ajaran asing yang menyusup ke dalam ajaran Islam seperti kebudayaan Parsi, India dan falsafah Yunani. Unsur-unsur Parsi dan Rom telah mempengaruhi pola pemikiran umat dan cara kehidupan mereka. Semua ini menyebabkan mereka jauh daripada tuntutan ajaran Islam yang murni yang telah dibawa oleh Rasulullah SAW (al-Nadwi, 1992).

- Justeru, Shah Wali Allah merupakan orang pertama yang membezakan antara sejarah Islam dengan sejarah umat Islam. Sejarah Islam adalah sejarah yang mencerminkan kehidupan yang dituntut dalam Islam sebagaimana yang dilaksanakan pada zaman Khulafa’ al-Rasyidin. Manakala sejarah umat Islam adakah sejarah pemerintahan khalifah-khalifah yang memegang tampuk pemerintahan kerajaan Islam yang kadang-kadang menimbulkan perkara-perkara yang menyalahi dan menyimpang daripada ajaran Islam yang tulen (al-Nadwi, 1992; al-Mawdudi, 1988).
- iii.

Memurnikan Akidah Tauhid Daripada Penyelewengan

Akidah dan keyakinan umat Islam India awal abad ke-18 banyak dipengaruhi unsur-unsur Hinduisme. Hal ini kerana umat Islam di India berjiran dengan penganut agama Hindu dan jumlah mereka sedikit dibandingkan dengan penganut agama Hindu. Tambahan pula, kerajaan Islam kurang memberi perhatian terhadap pendidikan dan keagamaan dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini telah membangkitkan usaha Shah Wali Allah dalam membimbing umat ke jalan akidah yang benar dengan menulis pelbagai karya khususnya kitab Aqidah al-Hasanah (al-Nadwi, 1992). Kitab ini menjelaskan secara terperinci tentang ajaran-ajaran Islam yang murni dan menolak segala ajaran yang Hindu dan Yunani yang telah sebat dalam masyarakat India pada zamannya (al-Dihlawi, Aqidah t.t.).
- iv.

Mempertautkan Pelbagai Aliran dan Mazhab

Dalam usaha mengharmonikan antara pelbagai mazhab dan menyelesaikan pendapat yang berbeza, Shah Wali Allah menganjurkan setiap golongan supaya kembali kepada al-Quran dan Hadis. Beliau menentang bertaklid kepada tokoh tertentu dengan lebih menekankan penanaman keyakinan dalam aspek ibadah berbanding perdebatan dan dari sudut ibadah, lebih mementingkan roh dan jiwa ibadah, bukan sekadar formalitinya. Kebanyakan ulama pada zaman Shah Wali Allah lebih banyak mendalami ilmu mantiq, falsafah, masalah furu’ dan khilafiyyah di dalam fiqh mazhab Hanafi. Bahkan mereka sering tenggelam dalam perdebatan yang sengit pada masalah-masalah khilafiyyah yang tidak menguntungkan Islam (al-Nadwi, 1992). Sehubungan itu, Shah Wali Allah telah mengarang sebuah kitab yang berjudul ‘Iqd al-Jid fi Ahkam al-Ijtihad wa al-Taqlid. Beliau mengupas secara terperinci tentang masalah-masalah yang berhubung dengan ijihad dan taqlid dalam kitab tersebut.
- Shah Wali Allah juga menulis kitab al-Insaf fi Bayan Asbab al-Ikhtilaf untuk menjelaskan sebab-sebab perselisihan pendapat para ulama dalam satu masalah. Ia juga memberikan penjelasan bahawa perselisihan ulama salaf dahulu merupakan rahmat dan kebaikan kepada umat. Dengan ini, beliau telah berusaha menyatukan pendapat-pendapat yang berbeza khususnya mempertautkan mazhab Syafi’i dan Hanafi. Begitu juga dengan aliran Sunni dan Syiah (al-Mawdudi, 1988).
- Menurut Shah Wali Allah (1999), untuk mencapai perpaduan umat maka masalah-masalah yang sering diperdebatkan itu harus dibandingkan dengan teliti. Kemudiannya mengambil jalan tengah yang dapat menyatukan pendapat-pendapat yang berbeza agar dapat diterima oleh setiap golongan. Pendapat yang dipilih hendaklah berdasarkan kepada dalil yang kuat dan hujah yang benar. Manakala pendapat yang ditolak mesti diberikan penjelasan tentang kelemahannya dan sebab ia ditolak. Dalam hal ini, Shah Wali Allah berpegang pada pandangan bahawa semua perkataan manusia boleh diambil atau ditolak kecuali perkataan Rasulullah SAW. Pegangan ini dijadikan landasan dalam tindakannya supaya tidak terdorong oleh hawa nafsu atau fanatik mazhab dalam menimbang sesuatu pendapat. Selain itu, Shah Wali Allah sama sekali tidak membantah pandangan satu golongan dengan melupakan kebaikan yang terdapat di dalamnya. Malah beliau berusaha mengambil apa yang baik daripada semua pandangan yang berlainan kerana kebenaran itu milik bersama walaupun daripada tangan musuhnya.
- Secara umumnya, dalam usaha tajdidnya Shah Wali Allah memberi penekanan kepada pemerkasaan pemikiran umat melalui pembinaan keimanan kepada Allah SWT, Rasul dan Islam, pemantapan ilmu untuk mencapai tuntutan *fardu ain* dan memperluaskan pengetahuan dalam ilmu syarak. Shah Wali Allah juga amat menekankan penguasaan *al-Quran*, hafalan, memahami *sirah al-nabawiyyah*, menguasai ilmu ‘*aqidah*, berakhlak dan berbudi pekerti (Rizvi, 1980). Kesan pengajaran beliau bukan sahaja terkesan kepada masyarakat malahan keluarga beliau juga keseluruhannya bergiat aktif dalam aktiviti intelektual dan dakwah. Anak-anak dan cucunya telah menyambung cita-citanya memperteguhkan keimanan umat Islam di India sama ada melalui pengajaran mahupun gerakan pembaharuan khususnya Syah ‘Abdul ‘Aziz dan Syah Ismail al-Shahid (Jalbani, 1973).
- Kesimpulan**
- Artikel ini secara umumnya membicarakan seorang tokoh yang sangat berjasa besar kepada dunia Islam, Shah Wali Allah. Sesuai dengan ketokohan dan sumbangan, Shah Wali Allah merupakan *mujaddid* yang tidak pernah mengenal penat dan lelah untuk berterusan membentuk pemikiran Islam secara menyeluruh dan holistik. Pencapaian, sumbangan, pemikiran, keilmuan, ketokohan, kegigihan, kebijaksanaan, bakat, kecemerlangan dan keistiqamahan beliau secara

jelasanya melayakkan Shah Wali Allah diiktiraf sebagai tokoh *mujaddid* abad ke-12H (ke-18M).

Pengaruh pemikiran Shah Wali Allah telah merebak ke seluruh dunia. Pengembangan pemikiran beliau berlaku secara semulajadi tanpa ada agenda dan pembiayaan pihak tertentu. Kekuatan pemikiran dan kesesuaian idea berdasarkan keilmuan dan bakat beliau menjadikan pemikirannya sebagai panduan, rujukan dan fahaman dari segenap lapisan masyarakat sama ada individu, institusi, kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan serta gerakan dakwah. Sumbangan pemikiran beliau yang segar telah mengembalikan kefahaman Islam yang lebih menyeluruh. Konsep rahsia-rahsia syariat (asrar al-sari‘ah) yang ditekankan oleh Shah Wali Allah memberi gambaran yang lebih menyeluruh terhadap Islam. Walaupun konsep ini bukanlah sesuatu yang baru dalam Islam malah telah dibincangkan oleh ulama terdahulu tetapi beliau telah menyusun dan mengatur ilmu-ilmu ini dalam bentuk yang sistematik dan mudah untuk difahami. Usaha mengembalikan kegemilangan Islam ini tidak akan mendapat natijahnya secara

optimum melainkan ia disertakan dengan kemampuan intelektual dan dilaksanakan secara kolektif. Dalam proses menuju ke arah mengembalikan kegemilangan Islam ini, sudah tentunya ia memerlukan panduan dan bekalan terutamanya dari aspek intelektual dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, umat Islam beruntung kerana berpeluang untuk merujuk dan menikmati karya-karya penting Shah Wali Allah, seorang *mujaddid*, ulama yang berwibawa dan ikhlas memperjuangkan Islam dan keadilan. Semoga ilmunya menjadi tatapan umat hingga akhir zaman.

Rujukan

Abdul Hayei Abdul Sukor (1998). Sumbangan Shah Wali Allah al-Dihlawi Kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan. Tesis Kedoktoran Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Salam Muhamad Shukri e.d. (2007). *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Pusat Penyelidikan UIAM.

Al-Aluri, Adam ‘Abd Allah (1979). *Tarikh al-Da‘wah ila Allah bayna al-Ams wa al-Yawm*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Dihlawi, Ahmad b. ‘Abdul Rahim Shah Wali Allah (1999). *Hujjah Allah al-Balighah*, tahqiq Syeikh Muhammad Syarif Sukkar Cet. 3. Beirut: Dar Ihya’ al-‘Ulum.

_____ (1936). *Al-Tafhimat al-Ilahiyyah*. Jil. 1. Madinah: al-Majlis al-‘Ilm.

_____ (1977). *Al-Ansa’fi Bayan Asbab al-Ihktilaf*. Beirut: Dar al-Nafa’is.

_____ (2005). *Hujjah Allah al-Balighah*. Terj. Nuruddin Hidayat. Jakarta: Serambi.

_____ (t.t.). *Al-Aqidah al-Hasanah*. Toobaa-elibrary.blogspot.com.

Al-Ghazali, Muhammad (2000). *The Socio-Political Thought of Shah Wali Allah*. Zafar Ishaq Ansari ed. Islamabad: T.p.

Al-Manawi, Muhammad ‘Abd al-Ra‘uf b. ‘Ali (2003). *Fayd al-Qadir Syarh al-Jami’ al-Saghir*. Cet. 2. Jil. 1 & 2. Kaherah: Maktabah Masr.

Al-Mawdudi, Abul A‘la (1988). *Tajdid al-Din wa Ihya’ih*. Terj. Abu Akhyar dan Elias Ismail. Alor Setar: Pustaka Ikhwan.

Al-Nadawi, Abu Hasan ‘Ali al-Husayni (2002). *Rijal al-Fikr wa al-Da‘wah fi al-Islam*. Jil. 4. Damsyiq: Dar al-Qalam.

Al-Nadwi, Abu Ali al-Banjari (1992). *Sejarah Perkembangan Islam di India*. Kedah: Khazanah Banjariah Maahad Tarbiyah Islamiyah.

Al-Qaradawi, Yusuf (2001). *Min Ajl Sahwah Rasyidah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.

Al-Sajistani, Abi Dawud Sulayman (1999). *Sunan Abi Dawud*. Riyadh: Bayt al-Ifkar al-Dawliyyah.

Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir (1991). *Al-Imam al-Mujadid wa al-Muhaddith al-Shah Wali Allah al-Dihlawi*. Beirut: Dar Ibn Hizm.

Al-Turhuti, Muhammad b. Yahya (1394H). *Al-Ani’ al-Jani fi Asanid al-Shaykh ‘Abd al-Ghani*. Delhi: Dar al-Isha‘ah.

Asma Muhammad Uthman El-Muhammady (2007). Modality of Knowledge in Shah Wali Allah al-Dihlawi’s’

Epistemology. Disertasi Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM.

Azharudin Mohamed Dali (2002). Ulama Dan Gerakan Revivalsi Islam Di India Antara 1700-1850 AN. *Jurnah Usuluddin*, bil. 16; 51-74.

Baljon, J.M.S. (1986). *Religion and Thought of Shah Wali Allah Dihlawi 1703-1762*. Leiden: E. J. Brills.

Islahi, Abdul Azim (2011). *Islamic Economic Thinking In The 12th AH/18th CE Century*. Jeddah: Scientific Publising Center.

Jalbani, G. N. (1973). *Teachings of Shah Waliyullah of Delhi*. Lahore: Muhammad Ashraf.

_____ (1993). *Life of Syah Waliyullah*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.

Khan, Muhammad Majlom (2010). *The Muslim Hundred; The Lives, Thought and Achievements of The Most Influential Muslims in History*. UK: Kube Publish Ltd.

Mohamad Kamil Ab. Majid (2000). *Tajdid Perspektif Sejarah Dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Arif Nazri et al. (September 2015). The Intellectuality of al-Dihlawi: A Review on His Contribution in Science of Prophetic Tradition. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6 (5): 302-308.

Mohd Nazri Mat Zin (2008). Pemikiran al-Shaikh Wali Allah al-Dihlawi Mengenai Konsep *al-Birr Wa al-Ithm*: Analisis Terhadap *Mabhath al-Birr Wa al-Ithm* Dalam *Kitab Hujjat Allah al-Balighah*. (Disertasi). Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Nazri Mat Zin et al. (2015). “Kesan Ibadah Dalam Membentuk Sikap *Malakiyyah* Dan *Bahimiyyah* Insaniyyah Dari Pandangan Shah Wali Allah Al-Dihlawi Dalam Kitabnya “Hujjah Allah al-Balighah”, *Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-8 (KAIB VIII)*.

Nik Muhammad Salleh (2007) “Beberapa Nukilan Tentang Ketokohan Shah Wali Allah al-Dihlawi” dlm. Abdul Salam Muhamad Shukri, *Dimensi Pemikiran Shah Wali Allah al-Dihlawi dan Pengaruhnya di Malaysia*. Pusat Penyelidikan UIAM.

Rahman, Fazlur (1975). *The Philosophy of Mulla Sadra*. New York, USA: SUNY Press.

Syros, Vasileios, “An Early Modern South Asian Thinker on the Rise and Decline of Empires: Shah Wali Allah of Delhi, the Mughals, and the Byzantines”, laman sesawang *Journal of World History*, dicapai 3 Disember 2015, <http://muse.jhu.edu/journals/jwh/summary/v023/23.4.syros.html>